



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PROJEK RUMAWIP RESIDENSI SERI WAHYUREALISASIKAN IMPIAN WARGA KOTA MEMILIKI KEDIAMAN SENDIRI

**KUALA LUMPUR, 29 Mac 2017** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Sesi Cabutan Undi RUMAWIP Residensi Seri Wahyu, Taman Wahyu, Jalan Kuching Kuala Lumpur.

Projek yang dibangunkan melalui inisiatif swasta secara sepenuhnya oleh Syarikat Enchanting Height Sdn Bhd iaitu anak syarikat kepada Kumpulan Mah Sing Berhad telah pun memasuki fasa pembinaan dengan tempoh pelaksanaan selama 36 bulan di atas tanah berkeluasan 1.6 ekar. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2020. Projek ini menawarkan satu (1) blok kediaman berketinggian 35 tingkat yang mengandungi 660 unit kediaman RUMAWIP dengan keluasan unit 805 kaki persegi. Setiap unit rumah dilengkapi dengan tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dan satu (1) parking berbumbung ditawarkan pada harga jualan bernilai RM300,000.00.

Terletak di lokasi yang sangat strategik dengan kemudahan yang menghubungkan jalan raya utama di sekitarnya seperti Jalan Kuching, Jalan Ipoh, Jalan Kepong, Duta-Ulu Kelang Expressway (DUKE) dan Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MMR2), pastinya meningkatkan nilai pasaran projek ini.

Selain itu, akses kepada pengangkutan awam juga adalah berhampiran dengan stesen KTM Taman Wahyu dan Stesen MRT Sri Delima yang di jangka siap menjelang tahun 2021. Pihak MRT juga akan menyediakan perkhidmatan ulang-alik (*shuttle service*) bagi penduduk di sini mendapatkan kemudahan pengangkutan MRT. Kemudahan lain

seperti sekolah, kompleks membeli-belah serta hospital dan lain-lain memberi kelebihan kepada pemilik di sini.

Residensi Seri Wahyu yang bertaraf kondominium ini juga mempunyai dewan serbaguna, kolam renang dewasa dan kanak-kanak, pejabat pengurusan, pusat jagaan kanak-kanak, gimnasium, taman permainan kanak-kanak dan surau.

Sehingga kini, KWP telah berjaya mencapai sebanyak 53,246 unit atau 67% daripada sasaran keseluruhan pembinaan yang telah ditetapkan iaitu 80,000 unit. Setiap projek RUMAWIP yang dibina di bawah Dasar RUMAWIP adalah tertakluk kepada sekatan moratorium selama 10 tahun yang mana setiap unit yang dibeli tidak boleh dijual kepada pihak lain sebelum tamat tempoh tersebut.

Melalui pelaksanaan RUMAWIP ini akan memberikan kelebihan kepada penduduk Wilayah Persekutuan untuk memiliki rumah sendiri dengan tawaran harga lebih murah dari pasaran semasa. Projek RUMAWIP ini juga merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi memastikan warga kota dapat memiliki kediaman sendiri yang kondusif di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
29 Mac 2017